

"2016: CABARAN DAN HARAPAN"

Mesej YB Menteri, Siri 3

12 Januari 2016

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sehati Sejiwa dan Selamat Tahun Baru 2016.

Rakan-rakan warga MOA sekalian,

Syukur kerana semalam kita sempat bertemu dalam perhimpunan sulung Kementerian untuk tahun ini. Sesungguhnya kita melangkah ke tahun 2016 dalam suasana yang mencabar. Oktober lalu, diumumkan bahawa bajet pembangunan dan mengurus MOA 2016 adalah RM5.3 bilion, kurang 13% daripada tahun sebelumnya. Bajet tersebut dirumus berdasarkan unjuran ekonomi jika harga minyak berada pada sekitar USD48 setong. Minggu lalu, YAB Perdana Menteri membayangkan bahawa bajet negara mungkin perlu diubah suai, berikutan kelembapan ekonomi dunia serta penurunan harga minyak kepada sekitar USD32 setong.

Alhamdulillah, kepelbagaian ekonomi Malaysia sedikit sebanyak menjadikan kesan penurunan harga minyak tidak seteruk beberapa negara lain. Sebagai contohnya, ada negara yang mempunyai simpanan minyak antara yang terbesar hari ini menghadapi situasi amat sukar kerana dasar-dasar populis serta kegagalannya mempelbagaikan sumber pendapatan. Dalam hal ini, MOA boleh memainkan peranan bagi memastikan sektor agromakanan adalah salah satu sumber penting pendapatan negara. Untuk itu, kita perlu perkukuhkan dasar "**export-led agriculture**" dan berusaha untuk meningkatkan eksport dan mengawal import supaya imbalan dagangan kita, yang kini pada defisit RM17 bilion setahun, akan bertambah baik.

Secara tradisinya, MOA lebih menumpukan kepada aspek pengeluaran dalam dasar dan program kita. Benar, pengeluaran perlu ditingkatkan agar kita mempunyai bekalan yang cukup untuk dieksport. Tahap kecekapan juga perlu kita pantau, contohnya mengurangkan kehilangan lepas tuai atau *post-harvest losses*, yang menggugat bekalan.

Namun, pada masa yang sama, Kementerian juga perlu membantu para pengusaha menjadikan produk mereka **lebih berdaya saing di peringkat global**. Contohnya aspek logistik, pengangkutan dan pengedaran. Apakah yang boleh kita bantu bagi memastikan produk mereka sampai ke destinasi pada masa yang singkat dengan kos yang rendah? Dari segi promosi dan pemasaran pula, saya tekankan semalam bahawa setiap produk yang kita import dari sesebuah negara perlu membuka pintu untuk kita mengeksport pula produk kita ke negara tersebut.

Dengan kata lain, kita sendiri di MOA ini perlu mempunyai **pemikiran seperti seorang usahawan** yang *business savvy* dan faham prinsip-prinsip ilmu perniagaan seperti kewangan, ekonomi, pemasaran, perdagangan antarabangsa dan sebagainya. Seorang usahawan juga sentiasa pantas dalam mengenalpasti dan merebut peluang-peluang untuk meluaskan perniagaan mereka. Seorang usahawan juga merupakan jurujual atau *salesperson* yang hebat. Kita perlu membina jaringan kenalan yang meluas, yang boleh digunakan untuk membuka pintu-pintu memasarkan produk-produk Malaysia.

Rakan-rakan sekalian, 2016 adalah tahun yang mencabar untuk kita. Pada saya, MOA akan dilihat berjaya mengharungi cabaran ini sekiranya kita mampu mencapai semua matlamat kita, tetapi tanpa terlalu bergantung kepada dana Kerajaan. Dengan dana yang ada, kita perlu mampu untuk **menjana lebih banyak dana** bagi menjalankan program-program kita dan menambah pendapatan negara menerusi eksport. Saya percaya kita boleh bersatu hati dalam menjadikan MOA sebagai sebuah Kementerian yang dilihat strategik dalam menyokong kestabilan serta pertumbuhan ekonomi negara.

Semoga 2016 memberi kita ketabahan dan kebijaksanaan dalam menghadapi apa jua cabaran. Selamat Tahun Baru!

Shabery